

Perjuangkan maruah bangsa

PULAU PINANG 12 Jan. Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, rakyat perlu sentiasa memupuk dan menyuburkan semangat memperjuangkan maruah bangsa, agama dan negara daripada sebarang bentuk penjajahan.

Menurut Perdana Menteri, sebagai warganegara yang bertanggungjawab, mereka perlu memperkukuhkan tekad dan berusaha untuk terus memperkaskan diri agar mampu berdepan dengan segala cabaran dan persaingan yang ada seterusnya menyumbang kepada negara.

"Tanggal 31 Ogos 1957 sememangnya satu tarikh yang bersejarah kerana pada tarikh itu, negara telah mencapai kemerdekaannya setelah hampir 446 tahun berada dalam rantaian belenggu penjajahan.

"Kini, setengah abad sudah berlalu dan berkat segala pengorbanan, kebijaksanaan dan kecekapan pejuang dan para pemimpin serta sokongan padu rakyat ber-

bilang kaum, Malaysia telah melangkah jauh, mengalami kemajuan yang begitu pesat sehingga menjadi sebuah negara membangun yang disegani.

"Hari ini, Malaysia berbangga kerana berjaya mewujudkan satu entiti bangsa dan negara yang bebas, bermaruah dan membangun dari semua aspek," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kata-kata aluan buku *50 Tahun Pendakian Ke Puncak Emas* terbitan Jabatan Penerangan yang akan dilancarkan Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin di sini esok.

Menurut Abdullah, kejayaan-kejayaan yang berpaksi sikan sumbangan dan pengorbanan semua pihak itu harus dijadikan teladan kepada generasi masa kini dalam mencorakkan pembangunan negara seterusnya.

Ini kerana, katanya, perjuangan kemerdekaan bukan hanya sekadar berusaha membebaskan diri dari belenggu penjajah semata-mata.

Sebaliknya perlu diteruskan dengan penghayatan yang diterjemahkan melalui komitmen dan usaha membawa negara melangkah maju dan mencapai matlamat yang dicita-citakan.

Katanya, rakyat wajar berbangga dengan pelbagai kejayaan yang dicipta negara dan meletakkannya di mana Malaysia berada pada masa kini.

Bagaimanapun, ujarinya, cerita mengenai perjuangan dalam memperoleh kejayaan itu seharusnya dijadikan dorongan dan inspirasi untuk rakyat terus mencipta kejayaan lebih besar dalam segenap bidang pada masa akan datang.

Sambil mengucapkan tahniah kepada Jabatan Penerangan atas penerbitan buku itu, Abdullah berkata, usaha mendokumentasikan khazanah sejarah negara begitu relevan dan wajar diteruskan bukan setakat memartabatkan sejarah negara tetapi lebih daripada itu untuk difahami, dihayati dan dijana generasi akan datang.